

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

**SOALAN**

DR. ONG KIAN MING [ BANGI ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan metodologi yang digunakan untuk menentukan sama ada satu mukim/zon diklasifikasi sebagai zon merah, kuning dan hijau (misalnya, adakah ia berdasarkan jumlah kes aktif yang sedang dirawat, jumlah kes baru dalam masa 2 minggu terkini, sebagai contoh).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kaedah klasifikasi zon warna sesebuah daerah, mukim, presint atau zon adalah berdasarkan jumlah kes COVID-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan. Ia adalah asas kepada **District Risk Reduction Program (DRRP)** sebagai panduan kepada komuniti untuk bersama-sama mengambil tindakan bersama pihak Kerajaan di kawasan setempat.

2. Walau bagaimanapun, kaedah penentuan zon jangkitan COVID-19, bukan hanya bergantung kepada DRRP. Ia juga **mengambil kira risiko jangkitan COVID-19** dalam sesuatu kawasan. Beberapa kriteria diambil kira dalam penentuan risiko ini iaitu:

- a. **peningkatan kes secara mendadak** dalam tempoh masa singkat yang menggambarkan kadar penularan jangkitan yang cepat;
- b. **taburan kes positif**, sama ada bertumpu atau bertaburan;

## SOALAN NO : 29

- c. **peratusan bilangan kes asimptomatik yang tinggi** kerana ia berkemungkinan akan menyebabkan penularan tanpa sedar oleh kes terbabit;
  - d. **kepadatan penduduk di kawasan terlibat**, kerana kawasan yang padat akan meningkatkan risiko penularan jangkitan;
  - e. **sosiodemografi setempat**; seperti terdapat penduduk bukan warganegara di lokaliti, mobilisasi penduduk merentas mukim atau daerah atau negeri kerana keperluan bekerja atau bersekolah, terdapat lorong-lorong tikus bagi kemasukan bukan warganegara dan sebagainya;
  - f. terdapatnya **infrastruktur gunasama** di lokaliti seperti pasar, pasaraya, sekolah, rumah ibadat dan sebagainya. Premis sedemikian merupakan tempat perkumpulan ramai;
  - g. **jenis tempat tinggal** kes COVID-19 yang juga berkait dengan kepadatan penduduk berisiko; dan
  - h. terdapat **sejarah perkumpulan beramai-ramai di lokaliti** dalam tempoh semasa kes mula dikesan.
3. Selain itu, kita juga melihat tindakan yang telah diambil bagi mengukur impak kepada kesihatan setempat, seperti:
- a. bilangan kontak rapat yang dikaitkan dengan kes telah dapat dikenalpasti;
  - b. bilangan yang diberi perintah pengawasan dan pemerhatian termasuk yang dihantar ke stesen kuarantin; dan
  - c. bilangan penduduk yang terlibat dan sebagainya. Sekian, terima kasih.